

*Tahniah di atas Perlantikan
Yang di-Pertua Dewan Negara Ke-16*

BIODATA

Nama Penuh	:	Tan Sri Dato' Abu Zahar Dato' Nika Ujang
Tarikh Lahir	:	1 Februari 1944
Tempat Lahir	:	Kuala Pilah, Negeri Sembilan Darul Khusus
Kelulusan Akademik	:	a) Barister-at-Law, Lincoln's Inn London b) CLP (Certified Legal Practise), University Of Malaya

PEKERJAAN

2010	- kini	Yang di-Pertua Dewan Negara
1990	- 2003	Ahli Parlimen (MP) Malaysia Kawasan Kuala Pilah
1986	- 1995	Ahli Dewan Undangan Negeri DUN Pilah
1986	- 1990	Ahli Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Sembilan
1979	- Kini	Pengamal Undang-Undang sebagai Peguambela & Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya.
1964	- 1979	Pegawai Kanan Polis DiRaja Malaysia (PDRM)

JAWATAN

2008	- Sekarang	Ahli Jawatankuasa Majlis Maklumbalas Nasional (MMN)
2007	- Sekarang	Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia
14 Feb 2006	- Sekarang	Ahli Majlis Yayasan Golden Hope Plantations Bhd.
April 2006	- Sekarang	Ahli Majlis Pengakap Malaysia
1997	- 1 April 2003	Pengerusi RISDA Malaysia
1991	- 2003	Pengerusi Tribunal Hakcipta Malaysia (KPDN & HEP)
1987	- 2003	Ahli Jawatankuasa Induk Penggubal Undang-Undang Syariah Dan Sivil
1987	- 1990	Presiden Persatuan Bekas Polis Malaysia (PPBPM)
1982	- Sekarang	Ahli Jawatan kuasa Pemegang Amanah Yayasan Pendeta Za'ba
1980	- Sekarang	Ahli Majlis Peguam Malaysia (Bar Council Malaysia)

AKTIVITI POLITIK

2006	- Sekarang	Timbalan Presiden, Majlis Veteran UMNO Malaysia.
2004	- Sekarang	Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK)
13 Mei 2004	- Sekarang	Ahli Lembaga Disiplin UMNO Malaysia
2000	- Sekarang	Pengerusi Persatuan Bekas Wakil Rakyat (MUBARAK) Cawangan Negeri Sembilan.
1998	- Julai 2004	Timbalan Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK)
1979	- Sekarang	Ahli UMNO
1979		AJK Pemuda UMNO Bahagian
1987	- 2001	Ketua UMNO Bahagian Kuala Pilah
1987	- 2001	Ahli Jawatankuasa UMNO Perhubungan Negeri Sembilan
1980	- 12 Mei 2004	Ketua UMNO Cawangan Kg. Sawah Lebar, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.



Majlis Pelancaran Pameran Kesedaran

MAJLIS RASMI

HIV & AIDS

oleh Yang di-Pertua Dewan Negara, Y.B. Senator Dato' Ir. Wong Foon Meng pada
12 April 2010



Majlis Perasmian

FASA KE-4 PERLEMBAGAAN & FORUM

anjuran Parlimen Malaysia dan Majlis Peguam Malaysia
pada 21 April 2010



MAJLIS RASMI

Majlis *Jasa Mer Dikenang*
Yang di-Pertua Dewan Negara ke-15
pada 26 April 2010



LAWATAN TYDDR UNTUK MELIHAT KERUSI PARLIMEN PEMBERIAN KERAJAAN BRITISH DI MUZIUM NEGARA PADA 14 JULAI 2010



PARLIMEN MALAYSIA mempunyai sejarahnya tersendiri. Dalam tempoh 50 tahun kewujudannya, pelbagai sejarah terbentuk dan tercatat seiring dengan perkembangan institusi Parlimen Malaysia itu sendiri. Antara yang mendapat perhatian ialah Kerusi Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang dihadiahkan oleh Kerajaan British kepada negara ini sempena penyerahan bangunan Parlimen oleh Ahli Parlimen yang mewakili The House of Commons of England pada 2 November 1963.

Kerusi berusia 47 tahun itu kini disimpan dengan baik di Muzium Negara selepas diserahkan oleh Parlimen Malaysia pada 1984. Pada 14 Julai 2010 lalu, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Y.B. Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar yang turut ditemani Ahli Parlimen Kota Bharu, Y.B. Datuk Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah dan Ahli Parlimen Kota Melaka, Y.B. Tuan Sim Tong Him telah membuat kunjungan hormat ke Muzium Negara. Dalam majlis berkenaan, satu taklimat diberikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Muzium, Datuk Ibrahim Ismail.

Menurut Y.B. Datuk Dr. Wan Junaidi, kerusi itu merupakan simbol persahabatan antara British dan Malaysia yang terjalin sejak sekian lama.



PENYERAHAN TUGAS KETUA PENTADBIR PARLIMEN MALAYSIA YANG BARU PADA 12 OKTOBER 2010

MAJLIS RASMI


SETIAUSAHA Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), Dato' Ngah Senik dilantik sebagai Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia yang baru menggantikan Datuk Kamaruddin Mohamed Baria yang bertukar ke SPR. Dato' Ngah, 57, memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam pada 1976 sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) di Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Antara jawatan lain yang pernah beliau sandang termasuk Setiausaha Persekutuan Sarawak di Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, Timbalan Pengarah Kanan (Gunasama) Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Pengarah Wilayah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Timur serta Pegawai Daerah Kerian, Parit Buntar, Perak.



Y.Bhg. Datuk Kamaruddin (kiri) menyerahkan dokumen tugas kepada Y.Bhg. Dato' Ngah (kanan).

MAJLIS RASMI

GAMBAR SEKITAR UCAPAN BAJET 2011 PADA 15 OKTOBER 2010



Majlis Makan Malam sempena

Sambutan *Jubli Emas*

Parlimen Malaysia pada 15 Oktober 2010



